*(1) A Judge may call and examine the record of any proceeding before any Subordinate Criminal Court for the purpose of satisfying himself as to the correctness, legality or propriety of any finding, sentence or order recorded or passed, and as to the regularity of any proceedings of that subordinate Court*

.....

**324 .....**

**325** *(1) A Judge may, in any case the record of the proceedings of which has been called for by himself or which otherwise comes to his knowledge, in his discretion, exercise any of the powers conferred by sections 311, 315, 316 and 317 of this Code..*

**Section 35. Courts of Judicature Act 1964**

**35(1)** *In addition to the powers conferred on the High court by this or any written law, the High Court shall have*



*the general supervisory and revisionary jurisdiction over all subordinate courts, and may in particular, but without prejudice to the generality of the foregoing provision, if it appears desirable in the interest of justice, either of its own motion or at the instance of any party or persons interested, at any stage in any matter or proceeding, whether civil or criminal, in any subordinate court, call for the record thereof, and may remove the same into the High Court or may give to the subordinate court such directions as to the further conduct of the same as justice may require.....”*

Dalam kes: **Public Prosecutor v. Kulasingham (1974) 2 MLJ 26**, Hashim Yeop A. Sani H (pada ketika itu) memutuskan bahawa:

*“....the object of revisionary power of th High Court is to confer upon the High Court a kind of “peternal or revisionary jurisdiction” in order to correct or prevent a miscarriage of justice. In a revision the main question to be considered is whether substantial justice has been done or will be done and whether any other made by the lower court should be interfered with in the interest of justice.....”*

13. Isu yang perlu diputuskan oleh Mahkamah ini adalah samada Mahkamah ini boleh dan perlu mencampuri urusan penghukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen. Mahkamah ini

merujuk kepada penghakiman kes: **Dato' Seri Anwar Ibrahim v. Public Prosecutor (2002) 3 CLJ 457 at 494:**

*“.....it is utmost importance to stress here that the appellate court will not normally alter the sentence unless it is satisfied that the sentence passed by the lower court is manifestly inadequate or excessive or illegal or otherwise not a proper sentence having regard to all the facts disclosed or that the court has clearly erred in applying correct principles in the assessment of sentence.....”*

14. Begitu juga dalam kes: **Public Prosecutor v Mohomad Nor & Ors. (1985) 2 MLJ 2006** seperti berikut :

*“.....The High Court, “should be slow to interfere or disturb with a sentence passed by the court below unless it is manifestly wrong in the sense of being illegal or of being unsuitable to the proved facts and circumstances. And the mere fact that another court to interfere if the court below applies the correct principle in the assessment of the sentence.....”*

15. Prinsip undang-undang berhubung dengan konsep menjatuhkan hukuman adalah sangat jelas bahawa hukuman merupakan suatu

budi bicara kepada Hakim Bicara dan Hakim di peringkat rayuan tidak seharusnya mengganggu hukuman berkenaan kecuali hukuman tersebut amat tidak memadai, atau terlalu tinggi berbanding dengan kesalahan yang dilakukan, hukuman yang tidak sah dari sisi undang-undang ataupun pemakaian hukuman yang salah. Dalam kes Mahkamah Persekutuan **Bhandulananda Jayatilake v. Public Prosecutor (1982) 1 MLJ 83, (1981) 1 LNS 139** menyatakan:

*“.....is the sentence harsh and manifestly excessive? We would paraphrase it in this way. As this is an appeal against the exercise by the learned judge of a discretion vested in him, is the sentence so far outside the normal discretionary limits as to enable this court to say that its imposition must have involved an error of law of some description? I have had occasion to say elsewhere, that the very concept of judicial discretion involves a right to choose between more than one possible course of action upon which there is room for reasonable people to hold differing opinions as to which is to be preferred. This is quite inevitable. Human nature being what it is, different judges applying the same principles at the same time in the same to similar facts may sometimes reach different conclusions (see: Jamieson v. Jamieson (1952) AC 525, 549). It is for that reason that some very conscientious judges have thought it their duty to visit particular crimes with exemplary sentences, whilst others equally conscientious have thought it their duty to view the same*

*crimes with leniency. Therefore sentences do vary in apparently similar circumstances with the habit of mind of the particular judge. It is for that reason also that this court has said it again and again that it will not normally interfere with sentences, and the possibility or even the probability, that another court would have imposed a different sentence is not sufficient, per se, to warrant this court's interference.....*

*.....For a discretionary judgment of this kind to be reserved by this court, it must be shown to our satisfaction that the learned judge was embarking on some unauthorized or extraneous or irrelevant exercise of discretion.....”*

16. Dalam menentukan apakah bentuk hukuman yang bersesuaian terhadap Perayu, Mahkamah ini sering merujuk kepada suatu prinsip yang dinyatakan secara jelas dalam kes :**PP v Jafa bin Daud (1981)1 MLJ 315** seperti berikut :

*“....**sentence according to law**, means that the sentence must not only be within the ambit of the punishable section but it also be assessed and passed accordance with established judicial principles....”*

17. Mahkamah ini juga merujuk kepada kes :**R v Ball (1951)35Cr App R 164** apabila menyatakan :

*“...our law does not therefore fix the sentence for a particular offence but it fixes a maximum sentence and leaves it to the court to decide what is, within that maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular, **the court has the right and duty to decide whether to be lenient or severe....**”*

18. Justeru itu, hukuman yang hendak dikenakan terhadap Perayu mestilah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan, **“seriousness” kesalahan** dan tahap penglibatan pesalah-pesalah itu sendiri. Prinsip ini diakui dalam kes: **R v. Ipeelee (2012)1SCR 433:**

*“...proportionality ...is not just a sanction. First, the principles ensures that a sentence reflects the gravity of the offence,...**it promotes justice for the victims and ensures public confidence in the system of justice.**Secondly, the principles of proportionality ensures that a sentence does not exceed what is appropriate, given the moral blameworthiness of the offender....”*

19. Justeru itu, dalam menentukan suatu hukuman yang setimpal, adalah menjadi tugas mahkamah ini untuk memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada faktor-faktor “aggravating factor” dan “mitigating factor” sebelum sesuatu hukuman tersebut dilupuskan. Konsep ini juga dinyatakan dalam kes :**Yusmarin Samsuddin v PP (1999) 4 CLJ 391**, Mahkamah menegaskan seperti berikut :

*“...the principles of sentencing have long been entrenched and well settle in our criminal law jurisprudence and the cpurt seized with such jurisdiction is empowered to take into account the following consideration :*

- (a) the extent and seriousness of the offence committed;*
- (b) The guilty person’s antecedents and*
- (c) the public interest*

20. Dalam menimbangkan alasan–alasan Hakim Mahkamah Sesyen tersebut, saya ingin menyatakan bahawa **suatu hukuman yang hendak dijatuhkan oleh mahkamah tersebut hendaklah diimbangi dengan kepentingan awam dan kepentingan Responden** agar mendapat suatu bentuk hukuman yang adil. Prinsip ini dinyatakan dengan jelas dalam kes **Public Prosecutor v. Loo Choon Fatt (1976) 2 MLJ 256, (1976) 1 LNS 102** menyatakan:

*“.....Presidents and Magistrates are often inclined quite naturally to be over-sympathetic to the accused. This is a normal phychological reaction to the situation in which the lonely accused is seen facing an array of witnesses with authority. The mitigation submitted by a convicted person will also normally bring up problems of family hardship and the other usual problems of living. In such a situation the courts might perhaps finds it difficult*

*to decide as to what sentence should be imposed so that the convicted person may not be further burdened with additional hardship. **This is in my view is a wrong approach. The correct approach is to strike a balance, as far as possible, between the interests of the public and the interest of the accused.....***

*.....**The judge must consider the interests of justice as well as the interests of the prisoners. It is often nowadays thought, or seems to be thought, that the interests of justice means only the interests of the prisoners.....***”

21. Didalam penghakiman Hakim Mahkamah Sesyen, mahkamah ini mendapati bahawa Hakim yang membicarakan kes ini telah mengambil pendekatan dan pertimbangan serta kesedaran bahawa kesalahan yang dilakukan inin merupakan suatu kesalahan yang serious. Walaubagaimanapun tiada didalam mana-mana penghakiman tersebut Hakim Sesyen telah memberikan penekanan terhadap isu Kepentingan Awam. Dalam mengimbangi factor kepentingan awam dan kepentingan individu dan memberikan peluang kepada Perayu **saya mendapati tidak ada satupun ayat dalam penghakiman Hakim Sesyen tersebut mengambil kira isu ini.** Dalam soal ini, **adalah jelas menunjukkan bukan sahaja nama baik pihak Bank terjejas tetapi ianya melibatkan hilang keyakinan orang ramai terhadap pihak institusi perbankan.** Diantara masa depan dan memberikan peluang kepada Perayu, persoalan yang timbul adalah: tidakkah Hakim Sesyen itu juga

mengambil kira masa depan institusi perbankan yang melibatkan pelbagai sector perkhidmatan dicemuh dan hilang keyakinan orang ramai terhadap institusi tersebut. **Kes ini akan hanya melibatkan masa depan Perayu seorang sahaja tetapi apakah nasib dan integrity berjuta kakitangan Bank yang dipandang serong oleh masyarakat??** Apakah nilai integrity seorang staf Bank ini walhal berjuta yang lain diluar sana terpalit sama dengan tindakan Perayu ini ?? **Tindakan Perayu ini seolah-olah ibarat “*kerana nila setitik rosak susu sebelanga.....*”**. Justeru itu, saya mendapati bahawa hukuman yang berat dan tinggi adalah sangat mendesak yang tidak lain dan tidak bukan sebagai melindungi kepentingan awam dan menjadi factor deteren kepada masyarakat daripada melakukan kesalahan yang bersalahan dengan peruntukan undang-undang ini. **Saya mendapati kesalahan yang dilakukan oleh Perayu mencabar maruah dan integrity nasional.** Oleh yang demikian, dalam memberikan pemberatan kepada kebajikan Perayu, **Hakim Sesyen** seolah-olah lupa dan tidak menghiraukan nasib dan masa depan institusi kewangan yang akan ditempuhi selepas kejadian malang tersebut.

22. **Dalam memberikan peluang kepada Perayu untuk menyatakan hasrat hatinya, saya mendapati tiada satu ayat pun permohonan ampun dan maaf oleh pihak Perayu, malah tiada satu ayat pun yang menterjemahkan bahawa Perayu telah Insaf akibat daripada perbuatan yang dilakukan.** Persoalannya: apakah nilai Probatif ini yang dilaungkan oleh pihak peguam agar Perayu berasa



Insaf?? Pada hemat saya, perasaan keinsafan ini semestinya datang daripada keikhlasan hati diri sendiri. Ianya bukanlah suatu perkara yang boleh dilaung-laungkan seperti dinyatakan oleh Peguam. **Sekiranya Perayu ini benar-benar insaf dan bertaubat, pada hemat saya tindakan tersebut perlulah dizahirkan seawal pertuduhan dibacakan kepada Perayu. Apalah ertinya Perayu tidak ingin untuk meneruskan rayuannya diperingkat ini walhal keampunan dan kemaafan tidak dizahirkan pada mana-mana peringkat perbicaraan sekali pun.** Mahkamah ini memberikan peluang kepada Perayu untuk berkata sesuatu semasa kes rayuan ini di dengar dan saya mengharapkan agar Perayu memohon jutaan ampun dan maaf di atas perbuatan dan kesalahan yang dilakukan tetapi peluang ini tidak direbut oleh Perayu. Adakah sikap mendiamkan diri ini mencerminkan keinsafan diri Perayu?? Dalam hal ini, **perkara ketiadaan keinsafan ini tiada langsung diambil kira oleh Hakim Sesyen dalam penghakimannya.**

23. Dalam membuat penghakiman ini, saya merujuk kepada kes: **Public Prosecutor v. Govindnan a/l Chinden Nair (1998) 2 MLJ 181**, mahkamah memutuskan:

*“.....thus, sentencing generally, the public interest must necessarily be one of the prime considerations. **A major element of public interest is that justice means justice not only to the accused but also justice to the society. Accordingly, in passing sentence, a court has to consider not only the offence and the offender,***

*but also the interests of society.....where a person is found to be persistent offender, then it is in the interests of justice that a deterrent sentence should be passed.....”*

24. Walau apa yang berlaku, perkara ini tidak sedikit pun diambil kira oleh Hakim Sesyen semasa menjatuhkan hukuman terhadap Perayu. **Hakim Sesyen tidak sedikitpun merasai dan menjiwai perasaan berjuta anggota perbankan yang lain yang terkena “tempias” akibat perbuatan Perayu.**

Kalau benar Hakim Sesyen tersebut telah mengambil pendekatan ini dan benar-benar menyelami perasaan mereka, nescaya perkara ini semestinya akan menjadi keutamaan Hakim Sesyen semasa menjatuhkan hukuman tersebut. Justeru itu, mahkamah ini berpendapat bahawa factor ini perlulah dijadikan suatu iktibar dan contoh yang terbaik dalam menjatuhkan hukuman tersebut. Dalam kes:**Ong Lai Kim Iwn Pendakwa Raya (1991)3 MLJ 111 (MT:Zakaria Yatim H)** menyatakan:

*“.....merupakan suatu kesalahan yang sedang berleluasa dalam Negara ini. **Pihak Mahkamah akan gagal dalam menjalankan tugas mereka apabila tidak mengenakan hukuman yang berat dalam kes seperti ini. Hukuman yang dijatuhkan kelak bukan hanya setakat memerangi pihak perayu daripada melakukan kesalahan sebegini di masa hadapan, tetapi juga***

*untuk memerangi orang lain daripada melakukan kesalahan yang serupa. Hukuman yang dijatuhkan mestilah hukuman yang keras selaras dengan perasaan marah pihak masyarakat umum (lihat : JC Smith & B Hogan Criminal Law (5<sup>th</sup> Ed) mukasurat 6)...oleh yang demikian, dalam kes ini, hukuman yang dijatuhkan mestilah selaras dengan kesalahan yang dilakukan, sekiranya tidak, maka pihak masyarakat akan berasakan hukuman itu amatlah ringan. **Hukuman yang dijatuhkan juga mestilah mencerminkan ketidak penerimaan masyarakat terhadap jenayah yang dilakukan oleh Perayu (lihat juga kes :R Iwn Roberts (1982)1All Er 609).***

25. Dalam keadaan sedemikian, adalah jelas keadaan-keadaan ini memberikan isyarat kepada Mahkamah ini untuk mengenakan suatu hukuman yang amat berat terhadap Perayu. **Hukuman yang berat ini diharap dapat memberikan suatu pengajaran kepada Perayu dan kepada pihak-pihak yang lain agar tidak memandang mudah mengenai kejadian yang berlaku. Justeru itu ianya juga memberikan suatu amaran yang keras kepada pihak-pihak lain agar tidak mengulangi kejadian jenayah yang sama dimasa-masa hadapan. Seperti yang diputuskan dalam kes: **Ryan v. The Queen (2001) 206 CLR 267 pg 118**,hukuman yang amat berat ini perlulah mencerminkan:**

*“.....a symbolic, collective statement that the offender’s conduct should be punished for encroaching on our society’s basic code of values as enshrined within our substantive criminal law.....”*

26. Dalam meneliti fakta-fakta kes ini dan tindakan Perayu untuk mengakses system Oracle Internet Explorer kepunyaan ketuanya (SP5) tanpa pengetahuannya adalah jelas kesalahan dan tindakan yang dilakukan itu tidak melibatkan pihak-pihak yang lain melainkan tindakan Perayu. Melalui ekshibit-ekshibit , card history, log in and log out access-card, invoice-invoice, tempoh masa tuntutan –tuntuan yang dibuat semasa (SP5) telah keluar daripada pejabatnya dan kemasukan wang kedalam akaun Perayu **pada pemerhatian saya melibatkan suatu perancangan yang sangat teliti dan cermat oleh Perayu. Tindakan Perayu yang telah menyalahgunakan ID dan Password dan bertindak curang dengan mengakses system Oracle Internet Explorer kepunyaan (SP5) ini telah memperkayakan diri Perayu sendiri.** Dalam meneliti alasan penghakiman Hakim Sesyen, beliau langsung tidak mengambil kira fakta ini semasa menjatuhkan hukuman. Dalam perihal ini saya merujuk kepada kes: **Phoon Ah Ming v. Pendakwa Raya (1993) MLJU 70, mahkamah menyatakan:**

*“.....Disini saya perlu menyatakan bahawa rancangan perayu itu mestilah telah difikirkan dengan cermat dan bijak serta terperinci. Matlamatnya adalah untuk memperkayakan perayu dan orang-orangnya secara salah*

*dengan mendatangkan kerugian kepada bank-bank yang berkenaan atau kepada tuan-tuanpunya cek-cek itu.....*

*.....akibat pelaksanaan rancangan itu, seratus lima puluh lima orang tidak menerima cek-cek mereka dan RM3.7 juta telah terjatuh dibawah penguasaan perayu dan orang-orangnya. MIDFCCS dan Pos Malaysia serta bank-bank yang terlibat telah diletakkan didalam kesusahan. **Peristiwa ini telah mewujudkan kegemparan dan institusi-institusi itu terpaksa menghadapi kritikan dan persoalan dari orang ramai.** Mereka cuba melakukan sesuatu untuk menebus diri mereka atau untuk memulihkan nama baik mereka.....”*

Dalam kes diatas, ianya melibatkan pengakuan bersalah Perayu dan disabitkan atas kesalahan menipu Bank Bumiputra Malaysia Bhd., cawangan Kampung Baru wang sebanyak RM50,000-00 dan telah dihukum 8 tahun penjara. Penipuan ini adalah berkaitan dengan penunaian cek yang dikirim melalui pos oleh MIDFCCS kepada bakal pembeli saham-saham Arab Malaysia Finance Bhd. dan dipintas didalam pos. Cek itu adalah untuk membayar balik wang yang tidak Berjaya membeli saham-saham itu. Kes ini mempunyai persamaan dengan rayuan kes ini yang mana baucer bayaran yang dipohon atas nama orang lain dan dimasukkan kedalam akaun persendirian Perayu. **Dalam kes ini (SP5) menegaskan bahawa Perayu telah mencuri ID dan passwordnya dan menggunakan ID dan password (SP5) untuk mengakses system Oracle Internet**

**Explorer untuk meluluskan tuntutan salah yang dibuat oleh Perayu dengan curang dan tanpa pengetahuan (SP5).**

27. **Kesalahan Penipuan dan Jenayah Komputer ini adalah merupakan suatu kesalahan yang serious.** Faktor ini gagal dipertimbangkan oleh Hakim Sesyen tersebut dalam alasan penghakimannya. Dalam hal ini saya merujuk kepada kes: **Public Prosecutor v. Mohamed Fathi bin Haji Ahmed (1979) 2 MLJ 75, Harun J** memutuskan:

*“.....the object of a sentence is to punish the offender and the sentence should be sufficiently adequate to deter the offender from repeating the offence and at the same time to act as a deterrent to others who might be disposed to commit such an offence. We have developed a comprehensive banking system in this country but this achievement is based on mutual trust and integrity of the parties. What the accused has done here is to shake the confidence of bankers in dealing with customers who are in business like the accused and put honest businessmen in greater hardships to finance their trade. **Courts must now appreciate that commercial crime is a very serious crime.** It affects our international standing abroad and our trade relations with other countries. It affects the government’s efforts at expanding the economy. **Millions of ringgit are lost every year due to falsifications and forgeries committed by persons like***

***the accused. Lossess suffered by the banks through commercial crime is much more than by robberies at the point of a gun.....”***

28. Dalam penghakiman Hakim Sesyen, seperti hujahan peguam, beliau mengambil kira fakta bahawa Perayu berusia 38 tahun dan berpendidikan Diploma dalam Bisness. Suami Perayu telah berhenti kerja dan masih tiada mempunyai pekerjaan tetap. Perayu baru sahaja melahirkan seorang cahaya mata dan mengalami sakit belakang yang kronik, migrane dan gastrik yang teruk. Pada hemat saya factor ini semuanya timbul semasa mitigasi Perayu yang dikemukakan sendiri olehnya. **Persoalannya adalah: Adakah Perayu memikirkan perkara-perkara ini sebelum melakukan kesalahan yang serious ini??** Pada hemat saya kalaulah Perayu memikirkan perkara ini sudah tentu beliau malu untuk melakukan kesalahan tersebut. Melalui fakta-fakta kes, adalah jelas sifat tamak haloba dan nafsu syaitannya mengatasi masalah peribadinya. Sekiranya begitu, **pada hemat saya factor umur dan tahap pendidikan Perayu bukanlah suatu peringanan hukuman bilamana didalam kes ini kepentingan awam mengatasi kepentingan peribadi Perayu sendiri.** Dalam kes: **Wong Voon Loong v. Pendakwa Raya (2002) MLJU 537**, tertuduh telah mengaku bersalah keatas pertuduhan yang dikenakan terhadapnya iaitu memiliki dokumen palsu iaitu sekeping Kad Kredit Visa dan telah menggunakannya sebagai tulen sahaja apabila Tertuduh cuba untuk menggunakan kad kredit tersebut bagi pembelian satu

barangan jenama Clinique bernilai RM110-00. Augustine Paul J memutuskan bahawa:

*“.....saya sedar **bahawa umur tidak akan menjadi satu facto rperingan hukuman apabila kepentingan awam awam menuntut satu hukuman yang berat dijatuhkan atau dimana kesalahan yang dilakukan adalah serious.** Namun begitu keseriusan kesalahan perlu dipertimbangkan dengan keuntungan yang tealh diperolehi oleh Tertuduh dari kesalahan yang dilakukan dalam menentukan tahap kebersalahannnya. Memperolehi keuntungan yang tidak seberapa dari kesalahan yang dilakukan membolehkan fakta menyebelahi Tertuduh.....”*

**Kesalahan Penipuan dan Jenayah Komputer yang dilakukan oleh Perayu amatlah menjijikkan dan masyarakat mengutuk sekeras-kerasnya** perlakuan ini, lebih-lebih lagi kejadian yang malang ini berlaku oleh Perayu yang merupakan seorang yang diamanahkan dan dititikberatkan nilai-nilai integrity dan kejujuran dalam kerja-kerjanya. Dalam kes: **PP v. Abdul Halim Ishak & Ors (2013) 9 CLJ 559** dinyatakan seperti berikut:

*“.....denunciation, in the context of sentencing, is achived by the imposition of a sentence the severity of which makes a statement that the **offence in question is not to be tolerated by society either in general or in a specific instance.** The statement made may be directed*



*at any combination of the public at large, victims, potential offenders and individual offenders. In part its aims are similar to that of deterrence, It has also been seen to be associated with retribution. (Law Reform Commission New South Wales).....”*

29. Dalam menjatuhkan hukuman selama 4 Tahun penjara dan Denda RM260,000 jika gagal 15 Bulan Penjara terhadap Perayu (Hukuman secara Serentak) yang mana pada pandangan mahkamah ini amatlah ringan dan tidak mencerminkan suatu kesalahan yang sangat serious, apatah lagi hukuman yang diperuntukan menurut Seksyen 420 Kanun Keseksaan adalah penjara untuk tempoh tidak melebihi 10 Tahun dan juga boleh dikenakan sebat dan denda. **Tindakan Hakim Sesyen tersebut seolah-olah “menjemput” mana-mana orang lain untuk melakukan kesalahan yang serupa dan hanya dikenakan suatu hukuman yang sangat ringan.** Kalaulah sebegini hukuman yang dijatuhkan terhadap pesalah-pesalah, mahkamah ini berpendapat bahawa orang ramai tidak akan merasa gerun dan takut untuk mengulangi kesalahan yang serupa dengan mengambil pendekatan **dan sikap “tidak apa, kena 4 tahun je, lepas dapat discount dan rebet satu pertiga hanya kena 2 Tahun lebih sikit je, tapi dapatlah rasa duit tu sampai bila-bila hehe”**. Dalam mengambil kira bentuk hukuman yang bersesuaian dengan Perayu, mahkamah ini mengambil ingatan tentang prinsip undang-undang yang mantap iaitu faktor kepentingan awam perlu diberi pertimbangan utama semasa menjatuhkan sesuatu hukuman.

Dalam kes: **Public Prosecutor v. Loo Choon Fatt (supra)**,  
Mahkamah Persekutuan menyatakan:

*“.....one of the main considerations in the assessment of sentence is of course the question of Public Interest. On this point I need only quote a passage from the judgment of Hilbery J. in Rex v. Kenneth John Ball.....as follows:*

*.....in deciding the appropriate sentence a court should always be guided by certain consideration. The first and foremost is the Public Interest. **The criminal law is publicly enforced, not only with the object of punishing crime, but also in the hope of preventing it.** A proper sentence, passed in public, serves the Public Interest in two ways. **It may deter others who might be tempted to try crime as seeming to offer easy money on the supposition, that if the offender is caught and brought to justice, the punishment will be negligible. Such a sentence may also deter the particular criminal from committing a crime again, or induce him to turn from a criminal to an honest life. The Public Interest is indeed served, and best served, if the offender is induced to turn from criminal ways to honest living.....***

Justeru itu, mahkamah ini berpendapat bahawa faktor ini perlulah dijadikan suatu iktibar dan contoh yang terbaik dalam menjatuhkan hukuman tersebut. Dalam kes: **Pendakwa Raya Iwn Yap Huat Heng (1985)2MLJ414 (ACJ: Shaikh Daud H)** menyatakan:

*“ .....Di atas sebab-sebab ini, pada fikiran saya, apabila kesalahan itu telah dibuktikan, pihak mahkamah perlulah bersikap tegas dalam mengenakan hukuman berat dan berpatutan. **Pihak masyarakat akan hilang keyakinan kepada pihak mahkamah sekiranya hukuman ringan dijatuhkan dalam kes-kes sebegini**”.*

30. Dalam kes :**Ong Lai Kim Iwn Pendakwa Raya (1991) 3 MLJ 11 (MT :Zakaria Yatim H)** menyatakan:

*“.....**Pihak Mahkamah akan gagal dalam menjalankan tugas mereka apabila tidak mengenakan hukuman yang berat dalam kes seperti ini. Hukuman yang dijatuhkan kelak bukan hanya setakat memerangi pihak perayu daripada melakukan kesalahan sebegini di masa hadapan, tetapi juga untuk memerangi orang lain daripada melakukan kesalahan yang serupa. Hukuman yang dijatuhkan mestilah hukuman yang keras selaras dengan perasaan marah pihak masyarakat umum (lihat : JC Smith & B Hogan Criminal Law (5<sup>th</sup> Ed) mukasurat 6)...oleh yang demikian, dalam kes ini, hukuman yang dijatuhkan mestilah selaras dengan***

***kesalahan yang dilakukan, sekiranya tidak, maka pihak masyarakat akan berasakan hukuman itu amatlah ringan. Hukuman yang dijatuhkan juga mestilah mencerminkan ketidak penerimaan masyarakat terhadap jenayah yang dilakukan oleh Perayu (lihat juga kes :R Iwn Roberts (1982)1All Er 609).***

31. Dalam mempertimbangkan hukuman terhadap Perayu, saya juga merujuk kepada kes **Leo Say v PP(1985) 2 CLJ 155; (1985) CLJ (Rep) 683** di mana YA Hakim NH Chan J menyatakan seperti berikut:

*“...The fact that a man has not much of a criminal record or none at all, is not a powerfull factor to be taken into consideration in a case of such gravity...Although all the 3 accused persons pleaded guilty and they are entitled to some credit for that, it must be set aside against the enormity and seriousness of the crime that they have committed (emphasis added).....”*

32. Dalam penghakiman saya, kepentingan awam menuntut supaya hukuman yang memperlihatkan kutukan masyarakat terhadap kesalahan-kesalahan yang tersebut dijatuhkan untuk menjadi amaran yang nyata bahawa sesiapa yang melakukan kesalahan-kesalahan seperti dalam kes ini akan menerima padahnya hukuman yang paling berat menanti mereka. Oleh yang demikian setelah mengambil kira

faktor-faktor seperti di atas dan dengan mengambil pendekatan bahawa kepentingan awam hendaklah mengatasi pertimbangan tentang “crushing effect” hukuman-hukuman tersebut terhadap Perayu. Suatu peranan yang wajar perlu dimainkan oleh Mahkamah untuk memastikan kesalahan-kesalahan seperti di dalam kes ini tidak berleluasa di mana dengan izin, ***“a strong message must be sent to the public that the court views such offences with complete detestation and abhorrence”***. Diatas faktor-faktor ini, saya berpendapat bahawa adalah bersesuaian untuk menjalankan Kuasa Semakan menurut Seksyen 325 Kanun Prosedur Jenayah dan menjalankan kuasa menurut Seksyen 316(c) Kanun Prosedur Jenayah untuk meminda Hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Sesyen

### **Kesimpulan**

Adalah menjadi nasihat Mahkamah supaya Perayu berubah diri dan bertaubat. Di atas perkara-perkara yang tersebut dan merit kes ini, ianya memberikan suatu indikasi dan justifikasi kepada Mahkamah ini untuk mengubah hukuman yang dikenakan oleh Hakim Sesyen kepada berikut:

***6 Tahun Penjara mulai Tarikh Jatuh Hukum (20 Julai 2017) bagi setiap pertuduhan (bagi 26 Tuduhan) dan Denda RM260,000 jika Gagal 18 Bulan Penjara (Hukuman Berjalan Serentak)***

Segala barang kes dikembalikan kepada pihak Timbalan Pendakwa Raya untuk dilupuskan setelah tamat tempoh rayuan.

Mahkamah ini merasakan adalah adil, wajar dan saksama. Keputusan Mahkamah telah dibuat setelah Mahkamah mempertimbangkan prinsip-prinsip undang-undang yang berkaitan dan berpandukan alasan-alasan yang telah dinyatakan diatas. Mahkamah ini merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak peguam dan Timbalan Pendakwa Raya di atas kerjasama yang diberikan dalam melupuskan kes ini.

**Bertarikh 27 Julai 2017,**

**(DATO' HJ. MOHAMAD SHARIFF BIN HJ. ABU SAMAH)**  
**Pesuruhjaya Kehakiman**  
**Mahkamah Tinggi Jenayah (4)**  
**Kuala Lumpur**

Pihak-pihak

Bagi Pihak Pendakwa Raya : Tuan Ahmad Nazeen b. Zulkifli  
(Perayu) Timbalan Pendakwa Raya  
Putrajaya.

Bagi Pihak Responden : En. David Peter  
(Tetuan Jerald Gomez & Associates)